

Tingkat 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

tel : +603-5518 8001 faks : +603-5514 3759 web : www.wakafselangor.gov.my emel : wakaf@wakafselangor.gov.my

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pengerusi
Jawatankuasa Pembinaan
Masjid Kariah Kg. Jawa Batu 18
43100 HULU LANGAT.

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : Bil (10) dlm. PWS/BK/26
1 Julai 2025

Tarikh : 5 Muharram 1447H

Tuan,

**LANJUTAN TEMPOH KEBENARAN MEMBUAT KUTIPAN WAKAF KHAS DAN
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MENULIS DAN MENANDATANGANI RESIT
PERBADANAN WAKAF SELANGOR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) **bersetuju** memberi lanjutan tempoh kebenaran mengutip Dana Wakaf Khas kepada **Jawatankuasa Pembinaan Masjid Kariah Kg. Jawa Batu 18** untuk tempoh sehingga **31 Disember 2025**. Kebenaran mengutip ini adalah tertakluk untuk tujuan **Pembinaan Masjid Kariah Kg. Jawa Batu 18** daerah Hulu Langat sahaja.

3. Oleh yang demikian, PWS juga **bersetuju** memberi kebenaran kepada penama-penama **Pemegang Amanah** bagi tujuan **Pembinaan Masjid Kariah Kg. Jawa Batu 18** untuk **menulis dan menandatangani** resit PWS. Kebenaran ini adalah selaras dengan peruntukan **Prosedur Pengurusan Kewangan, BAB C – Tatacara Perakaunan PWS** dan diberikan kepada penama sepertimana berikut:

Bil.	Penulis / Penandatanganan Resit	Jawatan
1.	Ir. Muhamad Suyat Bin Haji Abdul Kadir [REDACTED]	Pengerusi/ Nazir
2.	Dato' Dr Abd Aziz Bin Abdullah [REDACTED]	Timbalan Pengerusi
3.	Encik Muhamad Masri Bin Ali [REDACTED]	Setiausaha
4.	Encik Boyadi Bin Topani [REDACTED]	Ahli Jawatankuasa
5.	Encik Adnan Bin Iban [REDACTED]	Ahli Jawatankuasa

**LANJUTAN TEMPOH KEBENARAN MEMBUAT KUTIPAN WAKAF KHAS DAN
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MENULIS DAN MENANDATANGANI RESIT
PERBADANAN WAKAF SELANGOR**

4. Adalah diharapkan agar penama-penama yang diberi kebenaran dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi serta **mematuhi semua peraturan Kutipan Wakaf Khas yang telah ditetapkan oleh PWS.**

Sebarang permasalahan dan pertanyaan berkenaan perkara tersebut, sila hubungi **Mohd Azman Bin Mokhtari** di talian **03-55188001 ext. 157** atau emel kepada azman@wakafselangor.gov.my. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian , والسلام

“WAKAF MEMBANGUNKAN UMMAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(ANUAR HAMZAH BIN TOHAR)
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Wakaf Selangor

s.k - Bahagian Korporat, PWS
- Fail